



**TEKS UCAPAN ALUAN
YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**BERSEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

16 JULAI 2018 (ISNIN)

**DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1 KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
(Salutasi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

PENDAHULUAN

IKHLAS BERBAKTI, BERUSAHA DAN BERINOVASI

1. Saya bersyukur ke hadhrat Illahi kerana kita dapat bersama-sama dalam perjumpaan bulanan ini. Kita baru saja selesai merayakan Aidilfitri selepas sebulan berpuasa. Semoga kekuatan yang telah kita perolehi setelah sebulan berpuasa akan terus kekal pada kita. Cabaran-cabaran yang kita hadapi semakin rumit. Kita perlu bersedia menggandakan usaha dalam menghadapi realiti hari ini.
2. Dan saya mendoakan agar kita menyambut Aidilfitri dalam keadaan kita kembali kepada fitrah. Sesungguhnya tujuan puasa ialah untuk meningkatkan ketaqwaan kita. Agar sebulan berpuasa menjadikan kita insan dengan niat yang lebih suci, akhlak yang lebih mulia dan jiwa yang lebih bertaqwa.

Saudara-saudari sekalian,

3. Saya sangat gembira bersama saudara-saudari kerana saya sedar saya berada di kalangan mereka yang berada di **barisan hadapan** dalam usaha membina masyarakat yang sejahtera dan prihatin. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga **memberikan harapan** bagi golongan yang terpinggir. Jika Kementerian Kewangan membina ekonomi, KPWK **membina insan**. Jika Kementerian Pertahanan membina kekuatan untuk

mempertahankan negara, KPWKM membina **kekuatan keluarga dan memberi masa depan yang lebih cerah** untuk golongan yang memerlukan.

4. Jika Kementerian Belia dan Sukan membina olahragawan, KPWKM **membangunkan keluarga** yang bakal mencorakkan dunia. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan di atas segala usaha dan komitmen saudara-saudari.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Saudara-saudari sekalian,

5. Tanggungjawab membela golongan miskin dan terpinggir adalah satu tugas mulia dan menggambarkan keprihatinan kita sebagai sebuah masyarakat dan martabat kita sebagai insan. Mahatma Gandhi pernah berkata,

“Petanda utama martabat sesebuah masyarakat dapat dilihat pada bagaimana ia melayan golongan yang paling lemah (dalam masyarakat tersebut)”.

6. Dalam kita mengejar pembangunan dan kemajuan, ramai yang melihat kejayaan berdasarkan pencapaian ekonomi. Kekayaan dan kejayaan perniagaan memberi status dan kemewahan. Di merata-rata dunia kemajuan sering **menghasilkan dwi-wujud** di mana kemajuan menghasilkan kemewahan untuk golongan teratas.
7. Pada ketika yang sama, akan sentiasa wujud golongan bawahan yang tercicir. Namun, kekayaan golongan teratas sering bergantung pada tenaga buruh dan titik peluh usaha golongan bawahan.

8. Dalam Islam, zakat merupakan di antara mekanisma sistem sokongan dan pengagihan kekayaan yang bertujuan membantu golongan-golongan terbawah dan terpinggir ini. Tanggungjawab memberi zakat merupakan rukun dan bukan sekadar suatu galakkan.
9. Zakat merupakan hak kerajaan untuk mengutip. Dan hak ini bererti kerajaan juga bertanggungjawab membela golongan terbawah dan terpinggir ini. Jika kita lihat pada ayat-ayat Al Quran yang diturunkan pada peringkat awal di Makkah, banyak ayat-ayat yang menekankan **keadilan sosial** dan **pembelaan golongan miskin, anak yatim** dan lain-lain lagi. Sebagai contoh, firman Allah SWT:

“Tahukah kamu (orang) yang mendustakan agama? Itulah orang yang mengherdik anak yatim, dan tidak menganjurkan memberi makan orang miskin.”

(Maksud Surah Al Ma`un)

10. Ayat di atas bukan sekadar menyuruh kita menolong orang miskin. Sebaliknya, ia menyamakan orang yang mengherdik anak-anak yatim dan tidak memberi makan orang miskin sebagai orang yang **mendustakan agama**. Ini menunjukkan betapa Islam menekankan kepentingan membantu golongan lemah.
11. Keadilan bukan sekadar undang-undang sahaja. Keadilan tidak boleh wujud tanpa **keadilan sosial**. Inilah sebabnya isu pembelaan golongan lemah dan terpinggir ditekankan sejak awal lagi dalam perjuangan Rasulullah s.a.w.

12. Dalam kitab Injil, seruan yang sama mengenai tanggungjawab membantu orang miskin turut ditekankan. Dalam Proverb disebut:

“Barangsiapa yang bermurah hati kepada si miskin, dia memberi pinjaman kepada Tuhan, dan Tuhan akan membayar semula kepadanya diatas kebaikan yang dilakukannya”.

(Proverb 19:17)

13. Sebagai individu dan warga kerja di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat anggaplah segala usaha yang kita lakukan sebagai satu jihad dalam menyebarkan **rahmatan lil `alamin** (rahmat kepada seluruh alam). Sesungguhnya berbakti kepada masyarakat dengan ikhlas adalah satu proses yang akan dapat menguatkan diri kita. Allah SWT mengingatkan di dalam Al Quran:

“Barangsiapa berjihad, sesungguhnya jihadnya itu adalah untuk dirinya”

(Maksud Al `Ankabut: 6)

14. Menurut kitab tafsir Al Jalalain, ayat ini menyatakan bahawa Allah tidak memerlukan jihad kita. Sebaliknya, segala usaha yang kita lakukan sebenarnya membawa manfaat pada diri kita. Segala kebaikan yang kita lakukan akan **menyucikan kita** dan memberi manfaat kepada diri kita di akhirat kelak.
15. Dalam ajaran dan agama lain, berbakti kepada sesama manusia turut dianjurkan. Kung Fu Tze telah berpesan mengenai nilai membantu sesama manusia dalam kata-katanya:

“Jika kamu inginkan kebahagiaan selama setahun, warisilah harta. Jika kamu inginkan kebahagiaan yang abadi, bantulah orang lain.”

16. Dalam tradisi agama Hindu kita dapat lihat penekanan yang sama. Seorang pendita Hindu, Swami Vivekananda berkata:

“Bersyukurlah ada di sana orang miskin kerana dengan memberi sumbangan kepadanya anda dapat menolong diri sendiri”

17. Menolong orang lain adalah satu amalan yang tidak mungkin akan merugikan kita. Gautama Buddha menyebut:

“Seribu lilin boleh dinyalakan dengan menggunakan sebatang lilin. Namun hayat sebatang lilin ini tidak pula menjadi pendek (kerana menyalakan lilin-lilin lain).”

18. Program-program membina keluarga dan membela golongan yang terpinggir adalah satu usaha strategik dalam menjamin masa depan yang stabil dan lebih adil. Saudara-saudari berhak berbangga bekerja di kementerian ini. Tetapi **imbangilah** kebanggaan ini dengan keinsafan akan betapa ramainya rakyat yang masih perlu di bela.

19. Saya yakin saudara-saudari tekun dan bersungguh-sungguh melakukan segala usaha di sini. Satukan kesungguhan ini dengan keikhlasan agar segala yang kita lakukan diterima sebagai ibadah dan menjadi bekalan untuk akhirat. Pastikan kesungguhan kita ibarat semut sekawan mencari rezki. Pastikan niat kita sentiasa ikhlas dan suci.

PROFESSIONALISMA DAN KEBEBASAN POLITIK

Saudara dan saudari dihormati sekalian,

20. Saya ingin menyentuh di sini mengenai keadilan dalam cara kita bekerja. Kita baru sahaja melalui PRU ke 14. Dalam sistem demokrasi, setiap kita mempunyai hak membuat pilihan sendiri. Ada di antara saudara-saudari yang mengundi Pakatan Harapan dan ada yang membuat pilihan yang lain.
21. Saya ingin menegaskan di sini bahawa masa depan saudara-saudari di sini **terjamin** walau apa pun pilihan anda. Peluang kenaikan pangkat, penilaian prestasi serta peluang-peluang membangunkan diri tidak akan ditentukan oleh kecenderungan dan pilihan politik saudara-saudari. Saya hanya meminta agar kita sentiasa bertindak secara professional ketika bertugas. Sebagai kakitangan awam, kita harus sentiasa berpegang pada prinsip *cekap dan berkecuali* atau "**neutral competence**".
22. Demikian juga, dalam berurusan dengan rakyat, jangan kita dipengaruhi pertimbangan politik. Kita menolong mereka berdasarkan keperluan mereka. Rakyat di Perlis, Kelantan, Terengganu, Pahang serta Sarawak harus menerima perkhidmatan yang sama. Jangan sesekali menganak tirikan mana-mana negeri semata-mata kerana tidak diperintah oleh kerajaan Pakatan Harapan. Ini adalah komitmen saya dan saya mahukan saudara-saudari memberi komitmen yang sama.
23. Lakukan kebaikan kepada sesama manusia **tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama mereka**. Jangan mendiskriminasi sesiapa. Perut anak Melayu yang lapar sama

rasanya dengan anak Cina, anak India, anak orang asli dan anak Kadazan yang lapar. Kesedihan seorang ibu Cina yang tidak dapat memberi makanan kepada anaknya sama sahaja dengan kesedihan seorang ibu Melayu, seorang ibu Sikh dan seorang ibu Iban yang tidak dapat memberi makanan kepada anak mereka.

24. Memberi bantuan kepada mereka yang tidak layak juga adalah **satu kezaliman**. Dan menafikan bantuan kepada mereka yang layak adalah **satu kezaliman**. Tindakan sebegini sangat bercanggahan dengan konsep *rahmatan lil `alamin* (rahmat kepada seluruh alam) yang dianjurkan Al Quran. Janganlah kita merosakkan usaha kita dengan berlaku zalim. Saya yakin saudara-saudari semua komited untuk sentiasa berlaku adil.
25. Pilihanraya umum telah berakhir. Kini adalah masa untuk menyembuh dan menyatukan rakyat. Tumpukan usaha ke arah membina kesejahteraan rakyat. Selaku pegawai perkhidmatan awam, kita perlu **sentiasa professional** dalam tindak-tanduk kita.

PENGURUSAN BERHEMAH

Saudara dan saudari dihormati sekalian,

26. Kita semua sedia maklum bahawa negara kini dibebankan dengan jumlah hutang yang terbesar dalam sejarah negara ini. YAB Perdana Menteri telah menekankan perlunya kita mengamalkan perbelanjaan berhemah. Saya berpandangan perbelanjaan berhemah dibentuk di atas tiga asas. Asas pertama ialah **integriti**.
27. Kita menanggung beban hutang yang besar hari ini kerana ketiadaan integriti di kalangan pemimpin politik sebelum ini dan kerana ada pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang

bersubahat. Natijahnya ialah bala kepada negara. Saya yakin saudara-saudari sama-sama komited dalam mendokong tahap integriti yang tinggi di sini.

28. Asas kedua ialah sikap **bercermat**. Kita perlu berhati-hati dan cermat dalam berbelanja. Perolehan perlu cermat dalam memastikan segala pembelian kita adalah pada harga yang berdaya saing dan tiada sebarang urusaniaga yang mencurigakan.
29. Projek-projek pembangunan perlu menekankan kualiti dan keberfungsian atau "**functionality**" sesuatu kemudahan fizikal yang dibina. Setiap dari kita perlu sama-sama cermat dalam mengurangkan kos. Setiap dari kita boleh memainkan peranan dalam hal ini. Ia boleh bermula dengan perkara-perkara kecil seperti memadamkan lampu di ruang yang tidak digunakan.
30. Asas ketiga ialah **inovasi proses**. Kita perlu mencari penjimatan melalui inovasi proses untuk menjimatkan perbelanjaan serta mengurangkan masa melaksanakan proses. Ini harus dilakukan serentak dengan usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan.
31. Saya telah meminta Dato KSU untuk mengkaji pelaksanaan teknologi pembayaran tanpa tunai yang digunakan oleh NGO MyKasih. Saya sangat berharap ia akan menjadi satu inovasi proses untuk mempercepatkan pemberian bantuan dan mengurangkan kos.
32. Inovasi proses **memerlukan kreativiti** serta **pembabitan pemilik proses** (*process owner*) untuk mengenalspasti peluang-peluang pembaikan. Maklumbalas dari pelanggan proses harus dinilai dengan teliti. Teknik-teknik seperti **penambakan proses** (*process improvement*) serta **penjuteraan semula proses** (*process*

reengineering), **pengurusan langsing** (*lean management*) dan **pemikiran rekabentuk** (*design thinking*) boleh digunakan untuk tujuan ini.

33. Jangan terkongkong dengan proses dan templat sedia. Gunakan segala daya kreatif untuk mewujudkan proses-proses yang menyenangkan pengguna perkhidmatan kita.

Firman Allah SWT:

“Dia (Allah) menginginkan bagi kamu kesenangan dan dia tidak menginginkan bagi kamu kesusahan”.

(Al Baqarah: 185)

34. Ayat ini menerangkan bahawa Allah SWT menginginkan kesenangan untuk makhlukNya. Maka janganlah kita makhlukNya menyusahkan sesama makhluk. Jadikan usaha inovasi proses sebagai inisiatif yang akan dapat mengurangkan kos dan pada ketika sama **mesra pengguna** dan **menyenangkan rakyat**.

Saudara-saudari yang saya hormati,

35. Saya berharap di masa hadapan, kementerian-kementerian dan agensi-agensinya kerajaan lain akan melihat KPWK sebagai contoh pembaikan yang mendadak yang dapat dihasilkan bila potensi kreatif semua warga kerja di sini dimanfaatkan.
36. Saya berharap KPWK tidak perlu menunggu arahan dari MAMPU dan INTAN untuk memikirkan mengenai pembaikan atau mencuba idea-idea baru. Sebaliknya saya berharap MAMPU dan INTAN akan datang ke KPWK untuk melihat amalan terbaik atau

“*best practices*” dalam pembaikan di sebuah badan perkhidmatan awam.

MASALAH SOSIAL DAN PERANAN KELUARGA SERTA KOMUNITI

Saudara-saudari sekalian,

37. Saya ingin mengajak saudara-saudari memikirkan sejenak tentang berbagai masalah sosial yang dihadapi negara hari ini. Unit keluarga mempunyai suami dan isteri. Kebahagiaan keluarga bergantung pada hubungan yang erat di antara kedua-dua mereka. Kita mahukan anak-anak dapat membesar dalam keadaan bahagia.
38. Pada ketika yang sama, kita semua makhluk sosial. Kita wujud dalam **lingkaran sosial** yang lebih besar. Kita semua mempunyai saudara-mara dan rakan taulan yang turut mempengaruhi kita. Kesemua ini merupakan ikatan nilai dan norma yang membentuk identiti, perwatakan dan akhlak kita.
39. Proses pembangunan yang kita alami berlaku selari dengan proses **penghijrahan ke bandar**. Jumlah penduduk Malaysia yang tinggal di kawasan bandar kini melebihi 70 peratus. Ini bererti semakin ramai rakyat Malaysia yang dapat menikmati kemudahan-kemudahan moden.
40. Pada ketika yang sama penghijrahan ke bandar telah merungkai struktur masyarakat tradisional yang wujud di kampung-kampung. Dalam masyarakat kampung, keluarga-keluarga hidup dalam susunan keluarga lanjutan atau “*extended family*”. Saudara-mara

tinggal berdekatan dan saling bantu-membantu dalam mengawasi serta membesarkan anak-anak. Jiran-jiran yang lazimnya merupakan saudara-mara akan menegur sebarang salah-laku anak-anak. Oleh itu, wujud sistem sokong yang kuat.

41. Kelakuan anggota keluarga dewasa turut dipengaruhi oleh kehadiran ahli-ahli keluarga yang lebih tua. Kebimbangan terhadap “apa orang lain akan kata nanti” menjadi mekanisma kawalan sosial yang kuat dan mengawal tindak-tanduk mereka. Perasaan malu menjadi pengaruh kuat ke atas tindak-tanduk anggota masyarakat tradisional.
42. Semua ini jarang wujud di masyarakat bandar. Sebaliknya, kehidupan di bandar diselubungi suasana “**sepi dalam ramai**” atau “**lonely in a crowd**”. Akibatnya, jiran-jiran sering tidak mengenali sesama sendiri. Sikap mengambil berat terhadap hal-hwal komuniti tidak begitu kuat.
43. Fenomena “**lonely in a crowd**” menjadikan manusia berasa bersendirian. Mereka **tidak lagi mempunyai sokongan dan kawalan sosial** yang wujud dalam masyarakat tradisional bila menghadapi tekanan hidup. Si suami tidak merasa bersalah mendera isteri. Kanak-kanak dan remaja tidak merasa malu untuk melakukan sesuatu yang sumbang. Bila berlaku kerosakan atau kekotoran, tidak ada sesiapa merasa bersalah mahu pun bertanggungjawab. Ini mewujudkan suasana yang subur untuk berbagai masalah sosial berkembang dan merebak.
44. Oleh itu, untuk memperbaiki dan mengatasi berbagai masalah sosial hari ini kita perlu memikirkan bagaimana membina semula

sistem nilai dan semangat kejiranan yang wujud di masyarakat-masyarakat tradisional.

45. Tidak memadai untuk kita membantu rakyat pada peringkat individu mahu pun keluarga sahaja. Rakyat tidak mungkin hidup bahagia jika mereka dapat memenuhi keperluan sara hidup tetapi hidup dalam persekitaran yang kotor dan tidak selamat. Apatah lagi bila terpaksa berdepan dengan penagih dadah dan samseng setiap hari.
46. Kita perlu memikirkan strategi-strategi yang berkesan untuk memperbaiki seluruh komuniti. Kita perlu memupuk kembali nilai-nilai dan norma yang dapat membina sokongan dan kawalan sosial tradisional. Kita mahu nilai-nilai dan norma menjadi **pengikat sosial atau “social glue”** yang mengukuhkan komuniti.
47. Dan kita perlu melakukan semua ini dengan mengupayakan atau *“empower”* komuniti-komuniti supaya menjadi *urus-kendiri* atau *self-managing*. Hanya dengan ini kita akan dapat **memberi nafas baru atau “rejuvenate”** komuniti berkenaan. Saya berharap program-program bantuan yang kita berikan akan turut memberi lebih tumpuan kepada pembaikan di peringkat komuniti.
48. Saya berharap kita dapat sama-sama memikirkan isu-isu ini bukan sahaja dalam merancang tetapi juga dalam melaksanakan program-program kita. Barangkali inilah tahap pencapaian seterusnya atau *“the next level”* yang harus kita tuju. Kerahlah daya kreatif kita untuk menghasilkan pendekatan-pendekatan baru untuk membangunkan masyarakat.

PENUTUP

50. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada saudara-saudari yang belum sempat saya temui sebelum ini walaupun Bulan Syawal telah pun berakhir. Saya berharap Aidilfitri yang baru kita lalui menjadi penanda tahap tertinggi penambahbaikan diri selepas sebulan berpuasa. Semoga kita dapat mengekalkan penambahbaikan ini.

Wassalam, terima kasih.